

Bukti jelas PAS pentingkan parti dari agama — PM

UM 25 APR 1990

KUANTAN 24 April — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menganggap seruan pemimpin PAS meminta umat Islam membatalkan niat haji musim ini untuk menghadapi pilihanraya sebagai bukti yang jelas menunjukkan PAS lebih pentingkan parti dari agama.

"Kita tidak hairan dengan kenyataan pemimpin PAS itu, kerana sudah menjadi dasar PAS yang lebih mementingkan masalah perjuangan partinya dari ibadat haji yang ditetapkan oleh agama Islam," tegas beliau.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis berbuka puasa di kediaman Menteri Besar di sini malam ini, Perdana Menteri menyatakan sebarang usaha yang bertentangan dengan agama Islam tidak seharusnya diberikan perhatian oleh rakyat.

Ketua Penerangan PAS, Haji Subky Latif baru-baru ini meminta bakal haji membatalkan hasrat mereka untuk menunaikan haji musim ini supaya dapat menyertai pilihanraya umum akan datang yang menurut jangkannya akan diadakan pada bulan Jun, bersamaan dengan bulan haji.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, memang sejak dahulu lagi UMNO sedar tentang cara-cara PAS yang tidak menurut kehendak Islam dan ia (UMNO) tidak hairan, PAS kini (mengeluarkan kenyataan itu) mengutamakan pilihanraya daripada kehendak Islam sebenarnya.

"Mungkin orang yang hendak mengerjakan haji itu — ini merupakan kali terakhir baginya (berpeluang menunaikan haji), tetapi kerana kepentingan parti, PAS meminta mereka membatalkan niat untuk menunaikan haji itu," katanya.

Ketika dikemukakan soalan Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, PAS tidak boleh beranggapan bahawa hanya penyokongnya yang pergi menunaikan haji.

"Sayapun masa buat haji dahulu, masih lagi dalam UMNO bukan dalam PAS," katanya.

Mengenai calon UMNO pada pilihanraya umum nanti, Dato' Sri Dr.

Mahathir berkata, beliau telahpun mempunyai bentuk calon yang dikehendakinya tetapi belum tentukan calon - calon tersebut. Calon yang me-

nurut bentuknya itu katanya, ialah mereka yang boleh berkhidmat kepada negara dan parti, mempunyai pengalaman, popular dan dihormati.